

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 / 8 / 2017

# Dr. M gagal tangguh prosiding

Oleh **NORLIZAH ABAS**  
pengarang@utusan.com.my

## ■ PUTRAJAYA 18 OGOS

**T**UN Dr. Mahathir Mohamad gagal menangguhkan prosiding Suruhanjaya Siasatan Untuk Menyasat Kes Kerugian Akibat Urus Niaga Mata Wang Asing Oleh Bank Negara Malaysia Sekitar Tahun 1990-an, selepas permohonannya ditolak oleh Mahkamah Rayuan hari ini.

Sehubungan itu, prosiding yang dijadualkan berlangsung selama 10 hari bermula Isnin ini akan didengar oleh panel serupa yang dipengerusikan oleh Pengerusi Petroliaam Nasional Berhad (Petronas), Tan Sri Mohd. Sidek Hassan.

Ketetapan sebulat suara itu dicapai oleh panel tiga hakim diketuai oleh Datuk Mohd. Zawawi Salleh yang bersidang bersama Datuk Abdul Rahman Sebli dan Datuk Kamardin Hashim selepas mendengar penghujahan pihak-pihak yang mewakili pemohon dan Kerajaan Malaysia selaku responden.

Sementara itu, peguam Mohamed Haniff Khatri Abdulla yang mengetahui pasukan peguam bela mewakili Dr. Mahathir memberitahu pemberita, pihaknya tidak akan memfailkan rayuan di Mahkamah Persekutuan terhadap keputusan hari ini.

Dr. Mahathir mengemukakan permohonan menangguhkan suruhanjaya siasatan daripada bersidang sementara menunggu rayuannya terhadap keputusan Mahkamah Tinggi menolak kebenaran semakan kehakiman, didengar dan diputuskan oleh panel lain Mahkamah Rayuan.

Semalam, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menolak permohonan pemimpin pembangkang itu bagi mendapat kebenaran memulakan semakan kehakiman untuk menggugurkan pelantikan Mohd. Sidek dan Pengerusi Bersama Pasukan Petugas Khas Bagi Memudahkan Perniagaan (Pemudah), Tan Sri Saw Choo Boon



MAHATHIR MOHAMAD



MOHD. SIDEK HASSAN



SAW CHOO BOON



MOHAMED HANIFF KHATRI

**Pemohon tidak mempunyai remedi kerana segala dapatan suruhanjaya itu kelak bukan suatu keputusan, tidak mempunyai kesan di sisi undang-undang serta tidak boleh dicabar atau disemak."**

### AMARJEET SINGH Peguam Kanan Persekutuan

selepas membenarkan bantahan awal Kerajaan Malaysia.

Sebelum itu, Mohamed Haniff Khatri berhujah agar pihaknya diberi penangguhan singkat bagi membolehkan mereka merayu keputusan Mahkamah Tinggi dan seterusnya dibenarkan memulakan semakan kehakiman.

Hujah beliau, pihaknya bukan mempertikai perkenan Yang di-Pertuan Agong berhubung penubuhan suruhanjaya itu, sebaliknya mencabar komposisi ahli panel yang dilantik memandangkan Mohd. Sidek dan Choo Boon merupakan anggota pasukan petugas khas yang bertanggungjawab menjalankan siasatan dan mengemukakan syor supaya suruhanjaya ditubuhkan.

"Kedua-duanya tidak seharusnya berada dalam panel suruhanjaya kerana mereka akan me-

## Tiada campur tangan dalam siasatan urus niaga mata



**TAHAP-TAHAP PROSIDING SURUHANJAYA**

- 21 Ogos 2017 (Isnin)
- 24 Ogos 2017 (Khamis)
- 29 Ogos 2017 (Selasa)
- 30 Ogos 2017 (Rabu)
- 6 September 2017 (Rabu)
- 7 September 2017 (Khamis)
- 18 September 2017 (Isnin)
- 19 September 2017 (Selasa)
- 20 September 2017 (Rabu)
- 21 September 2017 (Khamis)

**OH** kerana kelengkapan masa tiga bulan yang dibenarkan oleh Yang di-Pertuan Agong, suruhanjaya akan memfokus kepada terma-terma rujukan dan tidak akan membenarkan campur tangan daripada pihak yang tiada kaitan dengan prosiding."



**PENGERUSI**  
TAN SRI MOHD. SIDEK HASSAN

**SETIAUSAHA**  
DATUK DR. YUSOF ISMAIL

**ANGGOTA**  
MOHAMED HANIFF KHATRI  
DATUK SERI TAJUDDIN ATAN  
DATUK KAMARDIN HASHIM

**AMARJEET SINGH**  
Peguam Kanan Persekutuan

Menurut beliau, panel bersidang bertukar membolehkan pemohon memfailkan rayuan selepas 10 hari pendengaran di Mahkamah Tinggi pada 13 Oktober ini.

"Oh, kerana kelengkapan masa tiga bulan yang dibenarkan oleh Yang di-Pertuan Agong, suruhanjaya akan memfokus kepada terma-terma rujukan dan tidak akan membenarkan campur tangan daripada pihak yang tiada kaitan dengan prosiding," ujarnya.

Mohd. Sidek Hassan, Pengerusi Suruhanjaya Siasatan, berunding dan perundingan yang dikemukakan harus selepas berunding dengan pihak-pihak yang berkaitan.

Sebelum itu, Mohamed Haniff Khatri memohon secara bersama agar belia dan R. Sivaram yang mewakili Awarer dibenarkan terlibat secara aktif dalam pendengaran prosiding.

Ragamnapan, pegawai pengurusan, Tribunal Penilaian Rayu Datuk Subahmi Ibrahim memaklumkan, tiada peritiran berhubung komposisi keahliannya yang melarang ahli yang pernah terlibat dalam pisanan petugas khas, memanggagat panel suruhanjaya.

Menurut Subahmi, permohonan itu tidak berasa kerana peguam-peguam pemohon memfailkan rayuan sebelum prosiding berakhir.

**KERATAN Utusan Malaysia 9 Ogos 2017.**

nyoal saksi-saksi yang memberi keterangan," hujahnya.

Sementara itu, Peguam Kanan Persekutuan, Datuk Amarjeet Singh berhujah agar permohonan itu ditolak kerana tiada keadaan istimewa yang membolehkan panel itu menangguhkan prosiding siasatan.

Menurut beliau, pemohon tidak mempunyai remedi kerana segala dapatan suruhanjaya itu kelak bukan suatu keputusan, tidak mempunyai kesan di sisi undang-undang serta tidak boleh dicabar atau disemak. Dalam permohonan yang difailkan pada 9 Ogos lalu, Dr. Mahathir menamakan Mohd. Sidek,

Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Kamaludin Md. Said; Choo Boon, Ketua Pegawai Eksekutif Bursa Malaysia Bhd., Datuk Seri Tajuddin Atan, ahli Institut Akauntan Malaysia, K. Puspanathan; Setiausaha Bahagian Pelaburan Strategik Kementerian Kewangan, Datuk Dr. Yusof Ismail dan Kerajaan Malaysia sebagai responden pertama hingga ketujuh.

Dr. Mahathir memohon bebanan untuk memulakan semakan kehakiman bagi mengetepikan keputusan suruhanjaya pada 8 Ogos lalu yang menolak permohonannya agar dua daripada lima anggota suruhanjaya itu, disingkirkan.